

30 OCT 1996

Suleiman-Pertukaran

MALAYSIA, CHINA SETUJU TINGKAT KERJASAMA PENYIARAN

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Malaysia dan China bersetuju untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang penyiaran khususnya pertukaran berita radio dan TV di samping program dokumentari, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamad.

"Kita menyambut baik hasrat China untuk bekerjasama di bidang penyiaran itu memandangkan kedua-dua negara juga mempunyai dasar yang sama berhubung garis panduan adegan seks, ganas, seram dan budaya yang bertentangan (VHS)," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Naib Menteri Radio, Filem dan TV China, Yang Weiguang di Angkasapuri di sini hari ini.

Suleiman berkata selaras dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi kementerian meningkatkan apa sahaja aspek yang boleh membentuk masyarakat bermaklumat, kementeriannya kini mengambil pendekatan yang tidak mengenal batasan untuk bekerjasama dengan mana-mana negara.

Katanya, sehubungan itu Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) sudahpun mengadakan kerjasama pertukaran berita dengan agensi berita rasmi China, Xinhua.

Menurut Suleiman, pertukaran program drama dan filem dokumentari turut dibincangkan dengan rakan sejawatannya itu khususnya drama terbitan tempatan yang dijangka mempunyai pasaran yang luas di China.

Katanya, satu rombongan syarikat penerbitan drama, HVD yang banyak mengeluarkan drama tempatan berbahasa Cina, akan pergi ke Shanghai tidak lama lagi untuk mengadakan rundingan lanjut bagi memasarkan produk mereka di sana.

Mengenai pertukaran program TV, beliau berkata perkara itu perlu perbincangan lebih lanjut yang harus merangkumi bidang-bidang lain seperti filem yang difikirkan baik dan sesuai untuk tontonan rakyat Malaysia keturunan Cina.

Yang yang juga Presiden China Central TV (CCTV) berkata dalam rangka kerjasama itu, kedua-dua negara juga akan saling bertukar-tukar kru perfileman bagi penggambaran lokasi menarik di kedua-dua negara.

"Kami telah mengadakan rundingan dengan HVD dan akan menyambung rundingan di China kelak," katanya. -- BERNAMA

ZAB NMO